



Nilai 3 tumpuan 'juruterbang' seluruh dunia

Oleh FAIROL REDZA ISMAEL ALABAS

KADANGKALA hobi boleh dijadikan satu aktiviti yang serius jika ia mendapat sokongan, modal dan semangat yang secukupnya.

Tidak kiralah apa jenis hobi sekalipun, jika dipraktikkan dengan ber-sungguh-sungguh, ia mampu berkembangan dengan meluas dan boleh menghasilkan satu hubungan harmoni di kalangan komuniti peringkat antarabangsa.

Salah satu hobi yang kini mendapat tempat di hati rakyat di negara ini ialah sukan udara.

Sehubungan itu, Kelab Sukan Udara telah mengambil inisiatif menganjurkan Karnival

Udara Negeri Sembilan bagi membuka ruang di hati rakyat agar dapat mengenali sukan ini dengan lebih dekat lagi.

Acara yang sudah masuk kali kelima ini bakal dilangsungkan pada 16 hingga 18 November ini bertempat di Nilai 3, Negeri Sembilan.

Karnival ini akan dimeriahkan dengan pelbagai jenis sukan udara dan aktiviti rekreasi, disertai oleh peserta tempatan serta luar negara seperti Singapura, Thailand, Australia dan New Zealand.

Antara aktiviti yang bakal dipersembahkan kelak ialah 'paragliding', permainan kapal terbang dan helikopter kawalan jauh, belon udara panas dan banyak lagi.

Sudah pasti anda juga berpeluang merasai sendiri pengalaman melihat

panorama di sekitar Negeri Sembilan dengan menaiki belon udara panas atau mencuba aktiviti 'paragliding' yang ekstrem.

Jangan lepaskan peluang keemasan ini bersama keluarga tercinta ke Nilai 3 nanti.

